Mahir Diri 8.1

Buka folder yang dimuat turun pada muka surat vii untuk soalan tambahan bagi Mahir Diri 8.1.

1. Tentukan sama ada setiap pernyataan yang berikut BENAR atau PALSU.

(a) Sudut refleks adalah lebih besar daripada sudut pada garis lurus.

(b) Hasil tambah bagi satu sudut cakah dan satu sudut tirus akan memperoleh satu sudut refleks.

(c) Dua sudut bersebelahan pada garis lurus ialah sudut penggenap.

(d) Hasil tambah dua sudut konjugat ialah sudut putaran lengkap.

(e) Jika m dan n ialah sudut konjugat, maka m atau n ialah sudut refleks tetapi bukan kedua-duanya.

2. Diberi p dan q ialah sudut kongruen dan juga sudut pelengkap. Nyatakan nilai p dan q.

$p =$ $^\circ$

$q =$ $^\circ$

LIVEWORKSHEETS

3. Diberi PQ = 7 cm. Jika PQ dan RS ialah tembereng garis kongruen, nyatakan panjang tembereng garis RS

RS =

4. Jika p dan q ialah sudut penggenap dan beza antara p dengan q ialah 30°, cari nilai p dan q dengan keadaan p > q.

$p =$ °

$q =$ °

5. Jika p dan q ialah sudut konjugat dan saiz sudut q adalah empat kali saiz sudut p, cari nilai p dan q.


$p =$ °

$q =$ °

6. (a) Dengan menggunakan pembaris dan jangka lukis sahaja,
(i) salin tembereng garis PQ yang diberi dan bina sebuah segi tiga PQR bermula dengan garis PQ dengan keadaan $QR = 6$ cm dan $\angle RPQ = 60°$,
(ii) seterusnya, bina garis serenjang kepada PR dan melalui titik Q.
(b) Berdasarkan pembinaan anda di (a), ukur jarak tegak dari Q ke garis PR itu.



7. Rajah di sebelah menunjukkan sebuah segi tiga ABC. Dengan menggunakan pembaris dan jangka lukis sahaja,
(a) salin tembereng garis AB yang diberi dan bina segi tiga ABC mengikut ukuran yang diberi bermula dengan garis lurus AB.





(b) seterusnya, bina pembahagi dua sama serenjang bagi garis AC. Pembahagi dua sama serenjang itu menyilang garis AC pada titik P dan menyilang garis BC pada titik Q. Ukur $\angle PQC$.

LIVEWORKSHEETS